

**Keliru atau ingin
maklumat lanjut
mengenai ubat
awda?**

**Buatlah perjanjian
sekarang!**

***Tanyalah Pegawai
Farmasi untuk
mengenal ubat awda!***

Sesi *MUR* diadakan pada:

- **Setiap Hari Selasa**
(8:00 - 11:30 Pagi)
- **Setiap Hari Khamis**
(8:00 - 11:30 Pagi)

Maklumat Perjanjian

Nama

Nombor Bru-HIMS

Tarikh

Masa

Tempat

Pusat Perempuan dan Kanak-Kanak
(Bahagian Farmasi)

No. Telefon Bahagian Farmasi

2223765



Jabatan Perkhidmatan Farmasi
Kementerian Kesihatan
Brunei Darussalam
2018

Perkhidmatan '*Medicine Use Review*'

Ke Arah Penggunaan Ubat Yang Berkualiti



Apakah 'Medicine Use Review'?



'Medicine Use Review' (MUR) adalah sesi perbincangan bersama Pegawai Farmasi mengenai:

- Ubat-ubatan yang awda gunakan
- Fungsi ubat-ubatan yang dipreskrib/ digunakan
- Cara penggunaan ubat-ubatan yang betul dan teratur
- Keberkesanan ubat yang dimakan/ digunakan
- Sebarang soalan atau isu yang awda hadapi

Apa faedah yang diperolehi dari sesi MUR?

- Memperbaiki cara pengambilan/penggunaan ubat awda
- Mengenalpasti isu atau masalah yang dihadapi berkaitan dengan ubat awda
- Membantu awda untuk mendapatkan rawatan optimal melalui kaedah pengambilan/penggunaan ubat yang betul dan teratur
- Mengenalpasti interaksi ubat-ubatan awda dengan ubat herba/ tradisional serta makanan yang diambil

Apa yang dibincangkan semasa sesi MUR?

Pegawai Farmasi akan:

- berbincang mengenai pemahaman serta cara pengambilan/ penggunaan ubat-ubatan awda yang dipreskrib. Awda diberi peluang untuk bertanya/ mendapatkan penjelasan mengenai ubat awda, jika awda mempunyai sebarang kemusykilan mengenainya.
- membuat perubahan pada cara pengambilan/ penggunaan ubat awda, jika perlu. Pegawai Farmasi akan menerangkan dan meminta persetujuan awda terlebih dahulu sebelum perubahan tersebut dimaklumkan kepada doctor awda.

Sesi MUR akan mengambil masa kira-kira 10 - 30 minit. Jika perlu, seorang penjaga dibolehkan untuk menemani awda.

Semua maklumat semasa sesi MUR adalah SULIT dan akan dirahsiakan.

Apa yang perlu dibawa semasa sesi MUR?

- Semua ubat-ubatan yang dipreskrib oleh doktor termasuklah *inhaler* (ubat sedut), titik mata dan krim/salap
- Suplemen kesihatan, ubat herba/ tradisional yang awda ambil/gunakan
- Sebarang soalan atau isu berkaitan ubat-ubatan yang awda hadapi



Apa yang berlaku selepas sesi MUR?

Beberapa tindakan akan dibuat bergantung kepada perbincangan semasa sesi MUR seperti:

- Cara pengambilan/ penggunaan ubat awda mungkin akan diubah mengikut kesesuaian
- Pegawai Farmasi akan berbincang dengan doktor awda untuk mendapat persetujuannya sebelum sebarang perubahan dibuat. Perjanjian susulan bersama doktor awda akan diaturkan, jika perlu
- Pelan tindakan akan diberikan, yang mengandungi perubahan terhadap cara pengambilan/ penggunaan ubat awda seperti yang dipersetujui semasa sesi perbincangan
- Salinan pelan tindakan ini juga akan dimasukkan ke dalam rekod perubatan awda (disimpan sulit)

Di mana sesi MUR diadakan?

Sesi MUR dijalankan di **Bilik konsultasi, Farmasi Pusat Perempuan dan Kanak-Kanak**.

Apabila tiba di farmasi, sila jumpa kakitangan di kaunter farmasi yang akan menunjukkan awda ke bilik konsultasi. Sila bawa kad perjanjian farmasi awda.

Di mana mendapat maklumat lanjut?

Jika awda mempunyai sebarang pertanyaan atau ingin menukar tarikh perjanjian, awda boleh menghubungi bahagian Farmasi:

Telefon: **2223765**

Waktu: **07.45 pagi – 12.15 tengah hari dan 1.30 – 4.30 petang [Hari Isnin – Khamis dan Sabtu]**